

KPM digesa fokus tiga subjek utama

Penguasaan Sains, Matematik dan Bahasa Inggeris sokong dasar pembangunan

Oleh Siti Aminah Mohd Yusof
bhnews@bh.com.my

Bukit Mertajam: Kementerian Pendidikan (KPM) diminta memberi penekanan terhadap penguasaan tiga subjek utama pendidikan, iaitu Sains, Matematik dan Bahasa Inggeris bagi menyokong pembangunan negara.

Menyarankan demikian, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata penguasaan tiga subjek itu amat mendesak berikutan perubahan bidang kurikulum dengan kewujudan cabang baharu seperti kecerdasan buatan (AI), tenaga hijau, teknologi digital dan media sosial.

Bagaimanapun, katanya, penguasaan subjek berkenaan dalam kalangan pelajar harus seiring dengan penggunaan bahasa Melayu, selain menitikberatkan soal akhlak yang merangkumi nilai baik seperti saling menghormati.

"Menguasai bahasa kebangsaan dengan baik sesuai dengan peredaran zaman dan menguasai bahasa Inggeris dengan baik, terutamanya dengan perkembangan teknologi dan pengetahuan baharu adalah penting.

"Mesti juga memastikan bagi bahasa Inggeris, memiliki penguasaan yang kuat. Bahasa Melayu harus dimantapkan, bahasa Inggeris harus dikembangkan," katanya berucap ketika berkunjung ke Sekolah Menengah Kebangsaan Tinggi Bukit Mertajam (HSBM), di sini, semalam.

Sekiranya negara gagal menguasai bidang seperti AI, tenaga hijau, teknologi digital dan media sosial, beliau kluatir Malaysia akan kalah dalam persaingan dunia yang semakin mencabar, terutama dalam teknologi baharu.

Tegas Perdana Menteri, asimilasi pengetahuan, iaitu menimba ilmu sebaik mungkin dan menyemai nilai akhlak serta kebenaran adalah dua aspek penting yang harus diterapkan dalam pendidikan hari ini.

"Dua aspek ini tidak boleh ditinggalkan kerana akan menyebabkan negara tercemar dengan kuasa rasuah sebab menimba ilmu dengan tidak menerapkan nilai akhlak dan prinsip kebenaran.



Anwar beramah mesra bersama pelajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Tinggi Bukit Mertajam, Pulau Pinang, semalam. (Foto Mikaili Ong/BH)

"Teroka ilmu baharu tanpa meninggalkan tradisi, budaya, akhlak dan agama," katanya.

Pada kunjungan itu, Anwar yang juga bekas pelajar HSBM mengumumkan dana RM225,000 bagi pembinaan surau serta RM275,000 untuk penyelenggaraan, menjelaskan pendidikan adalah bidang penting buat negara dan diberi peruntukan besar dalam belanjawan, selain perubahan.

"Kemudiannya menjurus dalam bidang teknologi, kejuruteraan, digital dan AI," katanya menegaskan beliau selalu menekankan keperluan menimba ilmu pelbagai bidang, termasuk menguasai disiplin baharu yang tiada dalam kurikulum sekolah melalui pembacaan yang meluas.

Beliau berpandangan, dalam meneroka ilmu baharu, masyarakat tidak seharusnya meninggalkan akar tradisi budaya, akh-

lak serta agama dan ia menjadi cabaran untuk pendidik, ibu bapa dan pelajar dalam mengimbangi aspek itu supaya matlamat menuntut ilmu tidak tersasar.

Kursus digital AI

Di Bagan Serai, Anwar semasa berucap pada Majlis Pecah Tanah Projek Taman Perindustrian Hijau Bersepadu Kerian (KIGIP), meminta universiti di negara ini turut mengembangkan kursus digital dan AI kepada pelajar di luar jurusan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).

Katanya, pengembangan kursus itu kepada pelajar seperti dari jurusan sastera bagi menangani kekurangan jurutera dalam bidang berkenaan untuk memenuhi keperluan industri susulan pelaburan beberapa syarikat teknologi gergasi, antaranya Amazon, Google, Microsoft dan Infineon.